



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Pemohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/3/2024

- 1 a) **Jawatan:** Pembantu Penguatkuasa Gred KP19
- b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
- c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana
- d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Keselamatan Dan Pertahanan Awam
- e) **Taraf Jawatan:** Kontrak

2. **Jadual Gaji Pembantu Penguatkuasa Gred KP19:-**

Gaji Minimum
RM 1,360.00

Gaji Maksimum
RM 4,052.00

3. **Antara Skop Tugas Utama**

- a) Menguatkuasa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh DBKU
- b) Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan di sepanjang jalan utama dan kawasan lapangan di bawah pentadbiran DBKU agar bebas daripada aktiviti penaja tanpa lesen
- c) Memantau dan mengambil tindakan terhadap struktur tanpa kebenaran
- d) Memantau dan mengambil tindakan terhadap aktiviti hiburan tanpa permit/lesen dari pihak DBKU
- e) Menjalankan operasi menghentikan kegiatan-kegiatan haram seperti perosak harta benda awam

4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
(ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,472.80) dan

- c) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
 - i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki
 - ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki
 - iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26
 - iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
 - v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat ; dan
 - vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar

d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 4(b)(i), 4(c)(iii) atau 4(c)(iv) hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Tingkat 3, Bangunan DBKU
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon di kalangan kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Tarikh Akhir Permohonan : 16 Februari 2024 (Jumaat)

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang berikut tidak akan dipertimbangkan :-
 - tidak lengkap
 - tidak memenuhi syarat - syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan ; dan
 - diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan.
- (ii) Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal, ujian bertulis, dan temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.